

Tengku Abdullah dianggerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan UMP

Pengiktirafan buat ayahanda, bonda

Oleh GHAZALI ALIAS

KUANTAN – Peman-
gku Raja Pahang,
Tengku Abdullah
Sultan Ahmad Shah di-
anugerahkan Ijazah Ke-
hormat
Doktor Peng-
urusan
daripada
Universiti
Malaysia
Pahang
(UMP) sempena Majlis
Konvokesyen Ke-12 di sini
semalam.

Baginda yang juga
Canselor UMP menerima
anugerah berkenaan yang
disampaikan Naib Canselor
UMP, Profesor Datuk
Dr. Daing Nasir Ibrahim
sebagai tanda penghar-
gaan dan pengiktirafan
terhadap ketokohan,

kewibawaan serta kep-
impinan baginda dalam
pelbagai lapangan.

Baginda merupakan
antara 2,845 graduan yang
menerima ijazah dan di-
ploma masing-masing
pada majlis
yang ber-
langsung
tiga hari ber-
akhir Isnin
ini.

Tengku
Abdullah bertitah, peng-
anugerahan berkenaan
memberi makna yang
cukup besar dan ia di-
terima dengan penuh rasa
rendah hati serta kesyuku-
ran sebagai hamba Allah.

"Setelah 11 tahun meng-
galas tugas sebagai Cansel-
or, pengiktirafan ini bu-
kanlah untuk diri saya
seorang tetapi buat selu-



TENGGU ABDULLAH (kiri) menerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan daripada Dr. Daing Nasir selaku Naib Canselor UMP pada Majlis Konvokesyen UMP semalam.

ruh ahli keluarga termas-
suk ayahanda, Sultan Pa-
hang, Sultan Ahmad Shah

dan bonda, Almarhumah
Tengku Ampuan Afzan.
"Pengiktirafan ini mem-

berikan suntikan semana-
gat untuk saya terus
istiqamah menunaikan
amanat yang diberikan
oleh ayahanda sebagai Pe-
mangku Raja Pahang di
samping tanggungjawab
sebagai Canselor UMP,"
titah baginda ketika beru-
cap pada Majlis Kon-
vokesyen di Kompleks Su-
kan UMP di sini semalam.

Baginda menam-
bah, graduan yang
bergelar siswazah harus
mengkalkakan penghayat-
an nilai-nilai murni bukan
sahaja dalam kehidupan
peribadi tetapi dalam
pelaksanaan tanggung-
jawab profesional di tem-
pat kerja.

Titahnya, jika ia tidak
dihayati sepenuhnya, se-
orang individu akan ber-
isiko terlibat dalam pe-

nyelewengan, salah guna
kuasa, rasuah dan lain-
lain bentuk jenayah kolar
putih.

Sementara itu, baginda
turut menyarankan kep-
impinan UMP untuk terus
memberi tumpuan terha-
dap pelbagai inisiatif melau-
hui kerangka Pelan Strate-
gik UMP 2016-2020.

Titahnya, pelan berik-
enaan tidak hanya memberi
fokus kecemerlangan uni-
versiti semata-mata tetapi
turut memberi memberikan
perhatian terhadap sum-
bangan kepada rakyat jelata.

"Hal ini menuntut
penglibatan warga kerja
dan mahasiswa daripada
pelbagai lapisan untuk tu-
run padang ke lapangan
masyarakat menggalas
tanggungjawab sosial," ti-
tah Tengku Abdullah.